

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 30 Jun 2021 12:05
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pedoman Saat Berdepan Pandemik



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

30 JUN 2021 / 20 ZULKAEDAH 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Shamsaimi Ezil dan Sumber Google

PEDOMAN SAAT BERDEPAN PANDEMIK



UUM ONLINE: Pelbagai wabak atau penyakit menular pernah berlaku dalam sejarah dunia, malah zaman Nabi juga sudah ada wabak yang berbahaya, namun setiap ujian yang berlaku adalah untuk menilai sejauh manakah pergantungan kita kepada Allah sebagai hamba-Nya.

Dekan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun Dan Falsafah (SLCP), Prof. Dr. Shukri Ahmad berkata, Covid-19 merupakan salah satu bentuk wabak yang sudah menjadi pandemik berlaku di seluruh dunia.

“Dalam hal ini, Nabi menyarankan agar para sahabat berikhtiar untuk mengatasi masalah ini dan kita juga perlu berikhtiar kerana sistem kejadian alam juga hak Allah bermakna mengubah hak Allah kepada keadaan yang lain ialah melalui usaha dan ikhtiar.

“Apa yang perlu kita buat? Disiplin diri dan patuh. Jika kita sembahyang dalam jemaah, kita kena disiplin mengikut imam dan istiqamah sehingga selesai sembahyang,” katanya.

Timbul isu kedua, jika masing-masing terkesan ekonomi, apa harus dibuat? Perhatikan ketika perang, apa yang harus dilakukan semua pihak bersama-sama membangunkan sistem kehidupan secara tersusun. Kita mesti makan dan hidup di waktu itu. Tentunya, aspek keperluan terdesak ditumpukan.

Sementara menanti vaksinasi dijalankan sepenuhnya, semua pihak harus disiplin dan istiqamah serta saling membantu.

Sementara itu, Pegawai Hal Ehwal Islam, Mohd Yusnaidi Md Sabri berkongsi tips sebagai pedoman bersama dalam menghadapi ujian Covid-19 yang cukup mencabar adakalanya boleh menggugat kekuatan iman.

“Kita perlu memahami setiap ujian yang diberikan tanda kasih sayang Allah untuk meningkatkan darjat kemuliaan manusia di sisi-Nya kerana ujian bukan kita minta, Allah yang beri bermakna kita insan pilihan.

“Doa adalah senjata orang mukmin, jadi sentiasa berdoa kepada Allah dan kuatkan hubungan dengan Allah supaya Dia terus menjaga kita hingga ke hujung nyawa,” katanya.

Dalam pada itu, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Firdaus Ahmat menggesa rakyat Malaysia sentiasa memberikan sokongan terhadap segala usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan dan mentaati pemerintah atas ketetapan yang dibuat demi kemaslahatan ummah.

Menurutnya, umat Islam khususnya juga perlu suburkan budaya berpesan-pesan dengan kebenaran dan kesabaran, di samping melakukan solat hajat dan bacaan Yasin memohon kesejahteraan dan keselamatan.

Katanya, setiap manusia memiliki peranan dan tanggungjawab berusaha melaksanakan pekerjaannya walaupun usahanya itu berada dalam batasan kekuasaan mutlak Allah.

“Buat apa yang Allah suruh dan tinggal apa yang Allah larang, barulah kita akan mendapat takwa dan limpahan kasih sayang Allah.

“Untuk mereka yang menjalankan perniagaan atau bekerja sendiri, laksanakanlah ikhtiar dan usaha yang terbaik di dalam sebarang urusan kewangan juga kehidupan serta merujuk kepada pandangan golongan yang ahli dan berkepakaran,” katanya.

Firman Allah di dalam surah Yunus ayat 107: *Dan jika Allah mengenakan engkau dengan sesuatu yang membahayakan, maka tiada sesiapa pun yang akan dapat menghapuskannya melainkan Dia; dan jika Dia menghendaki engkau beroleh sesuatu kebaikan, maka tiada sesiapa pun yang akan dapat menghalangi limpah kurnia-Nya.*



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.